

DASAR MELESTARIKAN, MELARISKAN DAN MEMPERGIATKAN PENJUALAN PERUMAHAN JENIS MAMPU MILIK DI NEGERI PULAU PINANG

1.0 PENGENALAN

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Bajet Tahun 2014 yang diumumkan semasa Sidang Dewan Undangan Negeri pada Disember 2013 telah memperkenalkan kategori perumahan baharu iaitu jenis mampu milik.

Tanpa mengabaikan objektif sebenar agar perumahan jenis mampu milik ini hanya dimiliki oleh mereka yang benar-benar layak sahaja, beberapa dasar dan kelayakan pemohon diperkenalkan demi melestarikan, melariskan dan mempergiatkan penjualan perumahan jenis mampu milik ini iaitu:

- i) Meningkatkan had siling pendapatan seisi rumah; dan
- ii) Membuka sebahagian daripada jumlah unit perumahan jenis mampu milik di dalam sesuatu projek kepada pasaran terbuka

1.1 MENINGKATKAN HAD SILING PENDAPATAN SEISI RUMAH

Kategori perumahan jenis mampu milik iaitu yang berharga RM150,000.00 yang mana had siling pendapatan bersih seisi rumah akan dihadkan kepada RM6,000.00. Oleh yang demikian, polisi baru perumahan mampu milik, had pendapatan baru serta kategori rumah mampu milik yang telah pun dikemaskini bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti **Jadual 1** dan **Jadual 2** berikut:-

HAD PENDAPATAN SEISI RUMAH	RUMAH MAMPU MILIK YANG LAYAK DIPOHON
Maksimum RM6,000	Tidak melebihi RM150,000
Maksimum RM8,000	Tidak melebihi RM200,000
Maksimum RM10,000	Tidak melebihi RM300,000
Maksimum RM12,000	Tidak melebihi RM400,000

Jadual 1: Had Pendapatan dan Kategori Rumah Mampu Milik

DASAR MELESTARIKAN, MELARISKAN DAN MEMPERGIATKAN PENJUALAN PERUMAHAN JENIS MAMPU MILIK DI NEGERI PULAU PINANG

KATEGORI	BAHAGIAN PULAU	BAHAGIAN SEBERANG PERAI
MAMPU MILIK i. keluasan 750k.p ii. tanpa kemasan	Harga Jualan Maksimum RM150,000	Tidak Berkaitan
MAMPU MILIK (min. 750k.p)	Harga Jualan Maksimum RM200,000	Harga Jualan Maksimum. RM150,000
MAMPU MILIK (min. 850k.p)	Harga Jualan Maksimum RM300,000	Harga Jualan Maksimum RM200,000
MAMPU MILIK (min. 900k.p)	Harga Jualan Maksimum RM400,000	Harga Jualan Maksimum RM250,000

Jadual 2: Kategori Rumah Mampu Milik di Negeri Pulau Pinang

1.2 MEMBUKA SEBAHAGIAN DARIPADA JUMLAH UNIT PERUMAHAN JENIS MAMPU MILIK DI DALAM SESUATU PROJEK KEPADA PASARAN TERBUKA

Pada dasarnya, 30% daripada jumlah unit perumahan jenis mampu milik di dalam sesuatu projek akan dibuka kepada pasaran terbuka. Ia kemudiannya, ditingkatkan kepada 40% di mana 20% kepada pengundi Pulau Pinang dan 20% kepada pengundi bukan Pulau Pinang.